



MANUAL PENGOPERASIAN PREMIS

(a) Tatacara Kebersihan premis –

- i. Pelaksanaan proses nyah kuman (disinfeksi) dan pembersihan secara berkala di Kawasan operasi.
- ii. Proses nyah kuman (disinfeksi) di Kawasan umum seperti tempat sembahyang dalam bangunan, tandas, stor, pejabat dan kaunter

(b) Pengurusan pelanggan –

- i. Menghadkan laluan keluar masuk pelanggan
- ii. Meminima kemasukan pelanggan ke dalam premis kedai pada satu-satu masa mengikut saiz premis (contohnya beratur menunggu giliran masuk ke kedai)
- iii. Melaksanakan Program Kesedaran Awam

(c) Memastikan staf, pembekal, pelanggan dan pengunjung bangunan melalui proses saringan suhu badan. Sekiranya suhu seseorang staf atau pengunjung bangunan melebihi 37.5 darjah celsius, mereka mesti dilarang memasuki Kawasan premis dan perlu rujuk kepada Klinik Kesihatan atau doctor panel. Pihak pengurusan premis perlu memaklumkan kepada pihak PDRM atau PBT sekiranya perkara tersebut berlaku

(d) Pengusaha premis digalakkan untuk menyediakan buku untuk mendaftar nama dan nombor telefon pengunjung / pelanggan / pembekal setiap masa

(e) Penggunaan hand sanitizer di pintu masuk premis

(f) Pemakaian face mask di kalangan pekerja

(g) Pekerja digalakkan memuat naik dan mendaftar MySejahtera dan MyTrace iaitu aplikasi mudah alih yang bertujuan untuk mengesan kontak Covid-19

(h) Memastikan penjarakan social 1-meter sepanjang masa seperti Kawasan di tempat kerja, di dalam lif, escalator, tempat sembahyang, kafetaria, ketika beratur dan sebagainya

(i) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik

(j) Penyelia / staff yang dilantik oleh Pengusaha Premis bagi memastikan pematuhan Manual Pengoperasian Premis sepanjang tempoh PKPB ini berjalan lancar

(k) Merujuk SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi sektor peruncitan, sektor pengeluaran dan sector lain yang berkaitan dan

(l) Lain-lain cadangan yang dirasakan perlu oleh pengusaha / pemilik premis untuk mencegah penularan Covid-19

***PBT BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS PREMIS SEKIRANYA MELANGGAR MANUAL PENGOPERASIAN PREMIS ATAU SOP PEMBUKAAN SEMULA SEKTOR EKONOMI SEBAGAIMANA YANG DIKELUARKAN OLEH MKN**



PEMATUHAN GARIS PANDUAN UNTUK PREMIS PERNIAGAAN

1. MENGAMALKAN RUTIN KESIHATAN DAN MENJAGA KEBERSIHAN DIRI SEPANJANG MASA.
2. MENGAMALKAN JARAK 1 METER ANTARA PELANGGAN SEMASA PEMBELIAN DAN ELAKKAN SENTUHAN TERUS KETIKA BERHUBUNG DAN BERURUSAN.
3. MELAKUKAN PROSES NYAH KUMAN DAN PEMBERSIHAN SEBELUM DAN SELEPAS OPERASI.
4. PEMILIK PERNIAGAAN PERLU MENETAPKAN JUMLAH PELANGGAN DALAM SATU-SATU MASA KETIKA BEROPERASI.
5. SENTIASA MEMAKAI PENUTUP MULUT DAN HIDUNG (FACE MASK).
6. MENGAMALKAN SOP YANG DITETAPKAN OLEH MKN DAN KKM.

*NOTA: SILA PAMERKAN UNTUK MAKLUMAN PELANGGAN